

Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
Circ / Read

Usahawan perlu pemudah cara  
03 Apr 2010  
Sinar Harian  
Nasional  
N/A  
Daily  
60,000 /

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
ADValue  
PRValue

Malay  
N16  
337 cm<sup>2</sup>  
Black/white  
1,348  
4,044



# Usahawan perlu pemudah cara

ABDUL MUNIT KASMIN

Pada tahun 2004 Kerajaan Persekutuan membina empat kompleks Muhibah di Selangor untuk dijadikan pusat perniagaan berkonep dual fungsi, iaitu sebelah siang kesemua ruang dijadikan tempat perniagaan dan sebelah malamnya sebahagian ruang dijadikan tempat bersukan atau kesenian. Malangnya konsep ini kurang menarik minat pengunjung.

Kini Kompleks Muhibah tersebut telah dijadikan bazar *uptown* yang beroperasi bermula jam 8 malam hingga 3 pagi. Konsep ini telah menarik minat usahawan Bumiputera menjalankan pelbagai jenis perniagaan. Sungguhpun tiada suatu agensi kerajaan yang memantaunya, usahawan Bumiputera yang berniaga di *uptown* ini mampu menjadi usahawan berjaya.

Kini terdapat 800 usahawan Bumiputera terlibat dalam operasi empat buah bazar *uptown* di Selangor, dengan jumlah jualan dalam lingkungan RM24 juta sebulan. Pengurusan bazar *uptown* ini dijalankan sepasukan pengurusan profesional. Memandangkan kompleks ini dibiayai Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), maka agensi ini seharusnya turut memantau pengurusannya.

Sebenarnya bukan sahaja di *uptown*, terdapat ramai lagi usahawan Bumiputera terlibat secara aktif dalam pelbagai bidang perdagangan dan perindustrian di negara ini. Pada masa ini, terdapat bidang perniagaan tradisional yang diceburi ramai usahawan Bumiputera sejak dahulu lagi, tetapi prestasi mereka masih kurang menonjol, bidang tersebut ialah peruncitan, restoran, dandan rambut dan fotografi.

Bidang perniagaan baru pula yang prestasi usahawan Bumiputera juga kurang menonjol ialah perhotelan, farmasi, bioteknologi, barang kemas, cermin mata dan teknologi maklumat.

Namun terdapat juga bidang perniagaan yang penyertaan mereka begitu menonjol sekali, iaitu perniagaan gerai makan, perusahaan kecil berasaskan tani dan stesen minyak Petronas. Di bidang yang lebih kompleks pula yang penglibatan mereka begitu menonjol ialah bidang kontrak binaan, konsultan binaan, klinik swasta, hospital pakar, kereta-motor,

telekomunikasi, media cetak serta elektronik, fileman, bekalan air, senggaraan jalan raya, hartanah, perladangan, kewangan dan insurans. Di bidang kewangan ialah dalam Lembaga Tabung Haji, PNB, CIMB, AmBank, Bank Islam, Bank Rakyat dan insurans takaful.

Kejayaan mereka ini, sama ada besar atau kecil adalah berpunca dari kerja kuat dan kemampuan usahawan itu sendiri. Bantuan kerajaan lebih bersifat pembuka jalan dan pemudah cara sahaja. Kementerian Kewangan dan agensinya Bank Negara

adalah contoh pemudah cara berkesan dan berupaya menonjolkan usahawan dalam bidang kewangan dan insurans.

Begitu juga JKR menonjolkan kontraktor dan konsultan binaan Bumiputera, manakala Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian berjaya membangunkan usahawan otomobil Bumiputera yang berjaya di Malaysia. Sebaliknya Mara, pada peringkat awal penubuhannya berjaya mewujudkan usahawan Bumiputera, tetapi setelah mencipta rekod cemerlang di bidang pendidikan, kini seolah-olah kehilangan perspektif.

Pada hujung tahun lalu suatu konvensyen usahawan Bumiputera Malaysia diadakan, iaitu setelah setahun pemansuhan Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU). Resolusi utama konvensyen ini ialah meminta kerajaan menghidupkan kembali KPU. Kerajaan telah memberi maklum balas mereka tidak berhasrat untuk menghidupkannya kembali. Sebenarnya keputusan kerajaan adalah tepat sebab semua agensi kerajaan mempunyai sumber jaya ilmu, projek berdaya maju, kewangan dan perundangan yang mencukupi untuk membantu usahawan Bumiputera. Apa yang perlu dibuat, tepuk dada tanya selera.

Walaupun terdapat ramai usahawan Bumiputera yang berjaya, tetapi ramai lagi yang masih perlukan bimbingan dan bantuan. Realitinya, status usahawan Bumiputera sebenarnya pelbagai, ada yang terlalu maju dan ada yang masih dahagakan bimbingan. Jadi, adalah suatu kesilapan besar membiarkan mereka yang telah

Headline **Usahawan perlu pemudah cara**  
Date **03 Apr 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **N16**  
Article Size **337 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **1,348**  
PRValue **4,044**

berkembang pesat tanpa pertolongan apabila bermasalah. Oleh itu suatu kerangka organisasi yang komprehensif perlu dicadangkan agar inisiatif ini bersinambungan dengan inisiatif pimpinan terdahulu.

Oleh itu kerangka organisasi yang dicadangkan ialah yang mempunyai sebuah Majlis Usahawan Bumiputera (MUB) yang dipengerusikan Perdana Menteri. Keahliannya adalah TPM dan Menteri-Menteri yang banyak terlibat dengan aktiviti usahawan Bumiputera.

Sekretariat MUB yang sesuai ialah Mara. Prasyarat Mara boleh menjadi sekretariat yang efektif ialah Ketua Pengarah (KP) nya

mesti diberi Gred Turus III agar setanding dengan kementerian yang dipantaunya. Sekiranya perlu KP Mara diberi taraf menteri penuh. Atau, seorang Menteri Tanpa Portfolio di JPM dilantik menjaga portfolio Bumiputera, khususnya MUB. Sekiranya tiada Menteri sedia ada yang berkeelayakan, seorang menteri baru JPM perlu dilantik. Dalam konteks ini, Mara boleh terus menjadi sekretariat MUB dan KPnya diberi taraf sama dengan KSU sebuah kementerian.

**\* Datuk Seri Dr Abdul Munit Kasmin ialah Pegawai Tadbir dan Diplomatik**